

# Malaysia jadi hab pendidikan Asean

BH- 18/7/2007

**U** SAHA Kementerian Pelajaran untuk melonjakkan kecemerlangan pendidikan negara ke peringkat antarabangsa berada di landasannya kerana Malaysia kini menjadi hab pendidikan serantau terutama di kalangan negara Asean.

Ketua Setiausaha kementerian itu, Tan Sri Dr Zulkurnain Awang, berkata pemilihan Malaysia sebagai rujukan di kalangan pengamal pendidikan Asean berdasarkan kewibawaannya sebagai penyedia pendidikan berkualiti dengan pembelajaran menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya sudah menyediakan program pendidikan untuk diguna pakai pihak pengurusan pendidikan di beberapa negara Asean, antaranya Indonesia, Thailand, Brunei dan Cambodia.

Katanya, kejayaan Malaysia sebagai model pendidikan serantau turut mendapat pengiktirafan kerajaan Oman.

"Oleh itu, menjadi tanggungjawab semua pihak terutama tenaga pengajar dan pengurusan semua peringkat untuk terus mengekalkan kecemerlangan pendidikan sedia ada.

"Kecemerlangan dikecapi Malaysia adalah sumbangan semua pihak sejak sekian lama dan ia perlu dikekalkan bagi meletakkan negara terus berada di persada antarabangsa," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Persamaan Budaya Pemangkin ke Arah Keamanan dan Kesatuan Antara Asean di Universiti Malaya (UM), semalam.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Pengantarabangsaan dan Hubungan Akademik UM, Prof Datuk Dr Mohd Amin Jamaluddin dan Pengarah Unesco Jakarta, Prof Dr Hubert J Gijzen.

Program itu dianjurkan Kelab Per-

tubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) UM.

Zulkurnain berkata, pertukaran tenaga pengajar adalah antara aktiviti berterusan kementerian, termasuk melatih guru dari Selatan Thailand mengenai proses pengajaran dan pembelajaran menyeluruh dengan mengambil kira aspek keamanan.

Sebagai anggota Asean beliau berkata, modul pendidikan Malaysia menjadi contoh negara ahli kerana ia merangkumi proses pembelajaran komprehensif serta mengambil kira faktor kehidupan masyarakat berbilang kaum dan keturunan.

"Menjadi tanggungjawab Malaysia menyediakan ruang dan kemudahan kepada tenaga pengajar dari negara anggota untuk berkongsi maklumat, pengetahuan dan kepakaran untuk dimanfaatkan bersama," katanya.

Kerjasama antara kerajaan dalam bidang pendidikan, katanya, turut dilaksanakan dengan mengambil kira faktor persekitaran dan keperluan pelajar serta tenaga pengajar masing-masing.

**“** *Persamaan latar belakang, antaranya budaya dan norma hidup memudahkan lagi proses kerjasama. Malaysia mempunyai kelebihan tersendiri mewujudkan keamanan serantau”*

**Zulkurnain Awang**  
Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran